



جابتني أقسام إسلام قيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(86)

Tarikh: 1 Rabiulakhir 1447H
23 September 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

| | |
|--------|---|
| Tarikh | 26 September 2025 / 4 Rabiulakhir 1447 |
| Tajuk | Hargai Paru-Paru – Jauhi Rokok dan Vape |

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

“PERAK SEJAHTERA 2030”



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"HARGAI PARU-PARU – JAUHI ROKOK DAN VAPE"

26 September 2025 / 4 Rabiulakhir 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّدِينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ يَأْخُذُونَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَعْمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِنُوكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"HARGAI PARU-PARU – JAUHI ROKOK DAN VAPE"

Bahaya merokok dan vape kini semakin mengancam kesihatan ummah. Merokok dan menghisap vape bukan sekadar tabiat, tetapi perangkap syaitan yang perlahan-lahan menghakis kesihatan, kewarasan dan keimanan. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2022, menunjukkan peningkatan penggunaan vape dalam kalangan remaja meningkat daripada sepuluh peratus pada tahun 2017, kepada lima belas peratus pada tahun 2022. Jika tidak dibendung, dibimbangi generasi pewaris negara akan menjadi lemah tubuh, lemah jiwa dan lemah cita-cita.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 195:

﴿وَأَنْفَقُوا فِي سَيِّلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴾¹⁹⁵

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Maksudnya: "Dan belanjakanlah (harta benda mu) pada jalan Allah, dan janganlah kamu jatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan dengan tanganmu sendiri, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik."

Ayat tersebut menegaskan agar kita tidak mencampakkan diri ke lembah kebinasaan. Merokok dan vape, dengan segala bahan kimia berbahaya yang terkandung di dalamnya, secara terang-terangan menjerumuskan diri kepada pelbagai penyakit kronik. Paru-paru yang sihat dirosakkan oleh tar, nikotin, dan ribuan bahan toksik lain. Jantung menjadi lemah, risiko kanser meningkat, dan pelbagai penyakit pernafasan menghantui hidup.

Lebih membimbangkan, rokok dan vape bukan sahaja memudaratkan diri perokok, bahkan turut memberi kesan buruk kepada orang di sekeliling melalui "asap sekunder" atau "asap dan udara tercemar daripada hembusan perokok yang terpaksa disedut atau dihidu oleh bukan perokok yang berada berhampiran"; melibatkan bayi, kanak-kanak, warga emas, isteri dan ahli keluarga; meningkatkan risiko mereka untuk mendapat penyakit akibat pendedahan kepada asap rokok atau wap vape. Keadaan sedemikian merupakan satu bentuk kezaliman terhadap orang yang tidak berdosa. Hadis Rasulullah SAW, yang dijadikan kaedah fiqh dalam penentuan hukum, menetapkan larangan mendorong kemudaratkan dalam kehidupan. Sabda Rasulullah SAW:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارٌ

Bermaksud: Tidak boleh memudaratkan (diri sendiri) dan tidak boleh memudaratkan (orang lain).
(Hadis Riwayat Ahmad)

Jemaah yang dimuliakan

Setiap tahun, dianggarkan 24,100 nyawa rakyat Malaysia terkorban akibat penyakit berkaitan amalan merokok. Keadaan yang sangat memilukan kerana kematian menyebabkan kehilangan ayah, ibu, anak, saudara dan sahabat yang disayangi. Kita tidak boleh terus membisu melihat kematian



demi kematian berlaku akibat rokok, memandangkan satu nyawa pun amat besar nilainya di sisi Allah SWT seperti firman yang terkandung melalui Surah al-Ma'idah ayat 32:

وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَانَمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Bermaksud: 'Barang siapa yang menyelamatkan satu nyawa, maka seolah-olah dia telah menyelamatkan seluruh manusia.'

Syariat Islam amat mengutamakan penjagaan kesihatan dan mlarang umatnya melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan mudarat, selaras dengan *maqasid syariah* bertujuan memelihara nyawa dan tubuh badan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-37, pada 23 Mac 1995 telah memutuskan amalan merokok adalah haram. Pada 21 Disember 2015, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia memutuskan, penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram disebabkan mengandungi bahan-bahan yang boleh menjaskan tubuh badan.

Jemaah yang dilimpahi kasih Ilahi

Menyedari ancaman besar ini, demi melindungi kesihatan awam, terutamanya generasi muda, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah proaktif, menggubal Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] yang mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2024. Akta ini merupakan satu akta yang menyeluruh, bertujuan mengawal selia semua jenis produk rokok, merangkumi rokok konvensional dan rokok elektronik atau vape.

Masa hadapan anak bangsa wajib diselamatkan daripada ketagihan yang merosakkan. Ramai anak muda boleh diselamatkan daripada menderita penyakit, jika kita berjaya mencegah mereka daripada merokok dan vape, dan keluarga boleh hidup lebih bahagia tanpa beban penyakit dan tanpa perlu menanggung beban perbelanjaan perubatan yang tinggi.



Jemaah Rahimakumullah,

Mimbar memperingatkan empat perkara berikut:

Pertama: Amalkan gaya hidup sihat dengan menjauhi rokok dan vape. Perbuatan merokok dan vape umpama menyuntik racun ke dalam tubuh badan. Oleh itu wajib dijauhi kerana boleh menjadikan kesihatan diri sendiri dan orang lain.

Kedua: Meninggalkan rokok dengan niat mahu menjaga kesihatan, Insya-Allah dikira sebagai amal soleh di sisi Allah SWT.

Ketiga: Lindungi, cegah dan jangan biarkan anak-anak kita menjadi mangsa budaya ketagihan yang merosakkan.

Keempat: Tanggungjawab menyedarkan bahaya rokok dan vape bukan sahaja terletak di bahu kerajaan, tetapi merupakan tanggungjawab bersama; ibu bapa, ahli keluarga, para guru, ulama dan umara, sama-sama bertanggungjawab memberi teguran, bimbingan dan nasihat akan bahaya merokok dan vape.

Marilah sama-sama kita menyokong usaha menjauhi rokok dan vape sebagai jihad kecil untuk melindungi paru-paru dan menjaga kesihatan ummah

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. آمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُوئُنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفِ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّعْهُمْ عَلَى مَلَةِ رَسُولِ اللَّهِ⁷.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal'alamin! bimbing kami untuk menjaga kesihatan; kurniai kami nikmat afiat agar kami dapat melakukan ibadah dan amal soleh kerana Mu. Insafkan para perokok dan pengguna vape bahawa mereka sebenarnya sedang meracuni diri sendiri. Limpahi mereka azam dan kekuatan untuk meninggalkan tabiat merokok kerana Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعْلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.